

17/08/1998

PM puas hati persembahan

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan konsep persembahan kebudayaan yang akan dipertontonkan kepada ketua kerajaan negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), November ini.

Perdana Menteri berbangga dengan persembahan mantap yang menggambarkan kebudayaan masyarakat berbilang bangsa negara ini dengan tema When Rivers Meet (Temuan Arus) pada pratonton yang diadakan di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini, hari ini.

Bagi menghargai artis yang menjayakan persembahan itu, Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Mahathir Mohamad turun ke pentas untuk bersalaman dengan 100 penari dan penyanyi yang terbabit dalam persembahan lebih 70 minit itu.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata Dr Mahathir berpuas hati dengan persembahan itu.

"Secara keseluruhannya, beliau bersetuju, gembira dan bangga dengan konsep dan mutu persembahan itu.

"Tetapi masih ada yang perlu diperbaiki.

"Beberapa perubahan juga perlu untuk disesuaikan dengan acara majlis makan malam bagi meraikan ketua kerajaan asing dari negara Apec di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) November ini," katanya.

Persembahan yang bersifat muzikal itu turut dijayakan bersama dua penyanyi terkenal tanah air, Siti Nurhaliza dan Noraniza Idris.

(END)